



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (MESTECC)

MESTECC SASAR 30,000 TINDAKAN PENGUATKUASAAN DI SELURUH NEGARA PADA TAHUN 2020 DENGAN KERJASAMA KERAJAAN NEGERI

10 FEBRUARI 2020, KUALA LUMPUR - YB Puan Yeo Bee Yin, Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim telah mempengerusikan **Mesyuarat Menteri-Menteri Alam Sekitar dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang Bertanggungjawab ke atas Alam Sekitar (MEXCOE) Bil. 1/2020** pada 10 Februari 2020.

Kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar akan terus meningkatkan aktiviti penguatkuasaan dengan sasaran sebanyak **30,000 tindakan penguatkuasaan** seperti perintah larangan, penahanan operasi, kompaun dan tindakan mahkamah bagi tahun 2020. Sepanjang tahun 2019, sebanyak 18,314 tindakan penguatkuasaan telah dicapai, berbanding dengan hanya 7,194 tindakan pada tahun 2018.

Semasa mesyuarat kali ini juga, pengukuhan pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan alam sekitar di negeri-negeri telah dibincangkan. Ini bertujuan untuk memperkasakan penguatkuasaan dengan menggunakan konsep *Smart Enforcement* dan *Intelligent Data*

Management bersama Kerajaan Negeri dalam mengambil tindakan terhadap punca-punca pencemar. Kerjasama Exco alam sekitar setiap negeri adalah penting untuk memastikan pencegahan pencemaran alam sekitar dipertingkatkan melalui kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan dan JAS Negeri. Semasa mesyuarat ini juga telah diutarakan usaha Kerajaan menggunakan *Big Data Analytics* untuk memperkasakan penguatkuasaan dan pemantauan.

Selain itu, mesyuarat juga diingatkan bahawa YB Menteri Alam Sekitar dan YB Exco Alam Sekitar Negeri memainkan peranan penting dan telahpun diturunkan kuasa oleh YB Menteri MESTECC di Mesyuarat MEXCOE tahun lepas untuk menangani aduan-aduan berkaitan alam sekitar di negeri masing-masing dengan kerjasama penuh JAS negeri.

Bagi memantapkan tindakan penguatkuasaan bagi pengimportan sisa plastik di bawah kod tarif HS 3915, MESTECC telah melancarkan **Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Penguatkuasaan Pengimportan Sisa Plastik** (HS 3915). Pelan tindakan ini bertujuan untuk menyeragamkan prosedur aktiviti penguatkuasaan di kawasan lapangan oleh agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM), JPSPN, SWCorp, Pihak Berkuasa Pelabuhan dan agensi lain yang terlibat. Kerajaan Persekutuan juga bersedia untuk berkongsi dasar-dasar sedia ada berkenaan pengurusan plastik yang merangkumi penubuhan kilang baru kitar semua plastik bagi memastikan kelestarian alam sekitar dapat dipelihara secara bersama.

Selain itu, MESTECC juga telah melancarkan **Garis Panduan bagi Pengimportan Sekerap Logam** yang merupakan salah satu tindakan Kementerian bagi mengawal kemasukan sekerap logam yang tercemar, tidak homogen dan berkualiti rendah yang berpotensi untuk menjejaskan

kelestarian alam sekitar. Garis panduan ini dapat memberi panduan berhubung kriteria pengimportan bahan sekerap logam kepada pengimport termasuk syarikat pedagang, ejen penghantaran dan *shipping liners*.

Mesyuarat MEXCOE merupakan suatu forum menggalakkan kerjasama dan penyelarasan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam pengurusan isu-isu alam sekitar. Fungsi-fungsi MEXCOE termasuklah:

- (i) menyelaraskan pelaksanaan dasar pengurusan alam sekitar dan sumber asli yang melibatkan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri;
- (ii) membincangkan isu-isu berhubung penyelarasan program dan aktiviti berkenaan dengan pengurusan alam sekitar dan sumber asli; dan
- (iii) mengenalpasti cara-cara untuk memperkukuh kerjasama antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri berhubung pengurusan alam sekitar dan sumber asli.

----- TAMAT -----

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Unit Komunikasi Korporat
MESTECC
Emel: noorhaniza@mestecc.gov.my
No. Tel: 03-88858084
Emel: suffian@mestecc.gov.my
No. Tel: 03-88858313

Dikeluarkan pada 10 Februari 2020, pukul 5.00 petang